

Lawatan Penilai Luar Program Sains Marin

Artikel oleh: Mardena Jiwan dan Wennie Seumin



Program Sains Marin merupakan salah satu daripada 10 program pengajian prasiswazah yang ditawarkan di Sekolah Sains dan Teknologi. Selaras dengan keperluan MQA bagi tujuan penambahbaikan program, penilai luar iaitu Prof Chou Loke Min dari National University of Singapore (NUS) telah melakukan penilaian ke atas kandungan dan struktur kursus Program Sains Marin pada 26 Mac - 5 April 2012. Beliau telah memberi laporan penilaian yang lengkap berhubung dengan kekuatan dan kelemahan program khususnya yang berkaitan dengan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.